



KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

TINJAUAN MENTERI KERJA RAYA KE PROJEK-PROJEK INFRASTRUKTUR DI MIRI, SARAWAK

MIRI, SARAWAK – YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri Kerja Raya turun padang untuk melihat sendiri kemajuan pelaksanaan dan perancangan infrastruktur Jalan Persekutuan di Miri, Sarawak bagi memastikan jaringan perhubungan darat rakyat Sarawak, Miri khususnya sentiasa berada dalam keadaan yang selesa dan selamat.

Jumlah panjang jalan Persekutuan di **Bahagian Miri** yang disenggara oleh syarikat konsesi adalah sepanjang **85.76 km** iaitu **44.03 km** dikategorikan sebagai **Jalan Protokol** manakala **41.73 km** adalah **Jalan Primary**. Kementerian Kerja Raya (KKR) menyediakan anggaran peruntukan sebanyak **RM 2.8 juta setahun** bagi melaksanakan penyenggaraan **rutin** Jalan Persekutuan di Miri.

Pada tahun **2023**, beberapa tindakan segera telah diambil oleh konsesi Jalan Persekutuan sebagai langkah penyelesaian jangka masa pendek menangani masalah jalan berlubang sepanjang Jalan Persekutuan di Miri dengan melaksanakan penampalan jalan (*pothole patching*) di bawah kerja-kerja Penyenggaraan Rutin. Kuantiti kerja tampalan *potholes* bagi tempoh **Januari hingga Disember 2023** yang telah dilaksanakan adalah sebanyak **209** bilangan.

Bagi permukaan pavemen (turapan) jalan yang rosak akibat faktor pengusiaan (*ageing*) dan berada pada tahap kritikal, kerja-kerja penyenggaraan telah diluluskan di bawah program **Penyenggaraan Berkala Pavemen** dengan peruntukan penyenggaraan sebanyak **RM 4.6 juta** yang melibatkan **3 lokasi** untuk dilaksanakan segera pada tahun 2024 .

Selain itu juga, Kementerian telah meluluskan sejumlah **RM 0.8 juta** bagi pelaksanaan **Penyenggaraan Berkala Bukan Pavemen** yang melibatkan **4 lokasi** dan sejumlah **RM 0.3 juta** bagi melaksanakan kerja-kerja **pembaikan kecil Jambatan Sg Lutong**. Bagi mengatasi isu berbangkit berkaitan

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

🌐 WWW.KKR.GOV.MY ✉ PRO@KKR.GOV.MY 📘 KEMENTERIAN KERJA RAYA 📺 [KKR_MALAYSIA](#) 📺 @MOWORKS 📺 KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,
50580 Kuala Lumpur



KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

penyenggaraan Lampu Jalan dan Lampu Isyarat di Bahagian Miri, Kementerian ini telah meluluskan sejumlah **RM0.5juta** bagi pembayaran bil Lampu Jalan/Lampu Isyarat dan sejumlah **RM 0.3 juta** bagi penyenggaraan Lampu Isyarat.

Siri turun padang bermula dengan tinjauan lokasi cadangan Pakej **Kuala Baram ke CIQ Sungai Tujoh**, yang merupakan salah satu daripada tiga (3) pakej **Projek Lebuhraya Trans Borneo (LTB)**. Projek LTB bertujuan untuk menambahbaik jaringan Jalan Persekutuan di antara sempadan Miri, Limbang dan Lawas ke Brunei Darussalam.

Seterusnya Menteri Kerja Raya meninjau prestasi kemajuan kerja pembinaan **Pakej 11 - Sungai Tangap ke Jalan Pujut Link, Projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak** khususnya pembinaan *viaduct* di Seksyen Lambir. Bagi Pakej Kerja WP11, kemajuan kerja kini 97.45% siap dan secara keseluruhannya, Projek LPB Sarawak dari Telok Melano ke Miri dijadualkan akan siap pada April 2024. Kerja-kerja melibatkan rekabentuk semula pembinaan *viaduct* pula telah bermula pada bulan November 2023 dengan jangkaan siap pada suku keempat 2025 namun tidak akan menjejaskan kelesaan pengguna jalan raya kerana masih boleh menggunakan jalan sedia ada.

Lokasi penyenggaraan cerun juga turut ditinjau di **Laluan1/79A Miri Airport Junction / Puchong Roundabout**. Permohonan bagi pelaksanaan kerja-kerja pembaikan berjumlah **RM 0.7 juta** di lokasi ini telah diluluskan.

Menyedari akan rungutan kesesakan trafik yang dialami pengguna jalan raya di bandar Miri, Menteri Kerja Raya turut meninjau lokasi projek **Menaiktaraf Bulatan Pujut 3 (Bulatan GK) kepada Persimpangan Lampu Isyarat** serta projek **Menaiktaraf Jalan Bulatan Puchong - Sg. Lutong**.

Oleh kerana pembangunan tanah yang rancak di sepanjang jajaran jalan dan kawasan sekitarnya, bulatan yang sedia ada sekarang tidak dapat menampung jumlah trafik yang meningkat dengan pantas kerana jalan ini berfungsi sebagai

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

🌐 WWW.KKR.GOV.MY ✉ PRO@KKR.GOV.MY 📘 KEMENTERIAN KERJA RAYA 📺 [KKR_MALAYSIA](#) 🐦 @MOWORKS 📺 KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,
50580 Kuala Lumpur



KEMENTERIAN KERJA RAYA

MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

jalan arteri utama bagi penghuni dari Lutong, Tudan, Permyjaya, Senadin, Kuala Baram, Brunei, Limbang untuk menuju ke kawasan Bandar Miri. Banci trafik bagi jalan tersebut yang dibuat pada 5 Januari 2022 merekodkan sebanyak 65,799 jumlah kenderaan melalui jalan tersebut dari 6 pagi sehingga 10 malam.

Oleh itu, cadangan projek ini adalah untuk menaiktaraf bulatan sedia ada kepada persimpangan lampu isyarat serta pelebaran jalan dari Bulatan Saberkas/Pujut ke Persimpangan Pujut 7 daripada laluan berkembar 4 Lorong kepada 6 Lorong sepanjang 3km. Projek ini telah mendapat kelulusan Kerja Awalan dibawah peruntukan *Rolling Plan* Keempat (RP4) Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). Skop kerja yang diluluskan adalah Kerja Ukur Tanah dan Penyiasatan Tanah dengan kos anggaran RM 1.23 Juta.

Melalui kerja-kerja naiktaraf, projek baharu dan penyenggaraan jalan Persekutuan di Miri ini, ia membuktikan komitmen berterusan KKR dalam menyediakan fasiliti dan infrastruktur yang selamat dan selesa kepada rakyat. Ia bakal mengurangkan masalah kesesakan di bandar Miri, mengurangkan masa perjalanan, menggalakkan aktiviti pelancongan di sekitar kawasan Bandar Miri serta mempercepatkan pertumbuhan ekonomi Sarawak. Ini sejajar dengan semangat dan aspirasi Program MyJalan yang dilancarkan KKR untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik dalam mengatasi isu – isu berkaitan jalan raya terutamanya Jalan Persekutuan.

KEMENTERIAN KERJA RAYA
5 FEBRUARI 2024

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

WWW.KKR.GOV.MY PRO@KKR.GOV.MY [KEMENTERIAN KERJA RAYA](https://www.facebook.com/KEMENTERIAN.KERJA.RAYA) [KKR_MALAYSIA](https://www.instagram.com/KKR_MALAYSIA) [@MOWORKS](https://twitter.com/MOWORKS) [KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL](https://www.youtube.com/KEMENTERIAN.KERJA.RAYA.OFFICIAL)

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,
50580 Kuala Lumpur